

DATE 17/9 / 2009

Tidak harus berlaku kepada pemimpin pernah berbakti Cadangan biadab – Pak Lah

um - 17/9/2009

KUALA LUMPUR 16 Sept. – Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan perwakilan MIC yang mencadangkan “kalungan selipar” diletakkan pada gambar bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah biadab dan tidak boleh diterima.

Katanya, perbuatan mengalungkan selipar di leher bukan sahaja dianggap sesuatu yang buruk dan tidak baik oleh orang Melayu malah kaum lain juga turut mengakuinya.

Perkara itu tidak seharusnya berlaku apatah lagi dicadangkan kepada bekas pemimpin yang pernah berbakti kepada negara, katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai perkara itu pada majlis berbuka puasa dan perpisahan bekas Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah IKIM, Nik Mustapa Nik Hassan; dan timbalannya, Datuk Dr. Zaleha Kamarudin.

Pada Perhimpunan Agung MIC Ahad lepas, seorang perwakilan MIC mencadangkan supaya “kalungan selipar” diletakkan pada gambar Dr. Mahathir ekoran kenyataannya yang dianggap



ABDULLAH Ahmad Badawi meraikan Ahmad Sarji Abdul Hamid pada majlis berbuka puasa dan perpisahan bekas Pengerusi IKIM di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Jeanne Abdullah.

mencampuri urusan dalam MIC.

Sementara itu, Ahmad Sarji melahirkan keyakinannya bahawa selaku Pengerusi baru IKIM, Abdullah mampu melonjakkan nama IKIM di persada dunia berdasarkan pengalamannya sebagai bekas Perdana Menteri dan juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan

Negara-negara Islam (OIC).

Beliau berkata, apa yang diperlukan IKIM ialah meningkatkan lagi hubungan dengan dunia luar serta institusi, akademi dan yayasan yang berkaitan dengan Islam.

“Saya percaya dan yakin berdasarkan pengalaman yang ada, Tun akan mem-

bawa anjakan paradigma kepada IKIM seterusnya mengangkatnya ke persada dunia,” katanya.

Abdullah secara rasmi mengambil alih tugas sebagai Pengerusi IKIM pada 2 September lalu daripada Ahmad Sarji yang menyandanginya sejak penubuhan IKIM 17 tahun lepas. – BERNAMA